

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin Bin MohdHarun Narrashid [KotaTinggi] minta **PERDANAMENTERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang menjadikan sistem wakaf sebagai komponen pasaran kewangan yang lebih besar dan lebih berdaya saing.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI))**

Tuan Yangdi-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku **pemegang amanah tunggal** bagi semua harta

wakaf sama ada berbentuk harta alih atau harta tak alih di negeri masing-masing dan bertanggungjawab untuk memastikan harta wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Pengurusan wakaf negeri adalah berpandukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Enakmen Wakaf Negeri masing-masing. Sehubungan itu, perkembangan dan kemajuan institusi wakaf bergantung kepada keupayaan MAIN untuk memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah. Dalam konteks ini, Kerajaan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama MAIN sentiasa berkerjasama untuk memajukan harta wakaf bagi memantapkan ekonomi orang Islam di seluruh negara.

Mengenai cadangan wakaf sebagai komponen pasaran kewangan, dimaklumkan bahawa usaha kearah ini adalah merupakan usaha berterusan bagi memartabatkan kedudukan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. Usaha ini turut memerlukan kerjasama yang berterusan daripada *pelbagai pihak menerusi kaedah pendanaan alternatif melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)* di antara JAWHAR bersama Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Perbankan Islam, MAIN, ahli-ahli akademik dan sebagainya bagi membolehkan wakaf terus diperkasa terutamanya melalui instrumen Wakaf Tunai dan Wakaf Korporat yang kini diterajui oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

Sekian, terimakasih.